

**TEKS UCAPAN**

**YBHG DATO IR' HJ. ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN**

**PADA**

**25 FEBRUARI 2016**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat sama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Februari tahun 2016 ini.

## **MAJLIS PENYEMPURNAAN PERLAMPUAN JALAN DI SEPANJANG LEBUHRAYA KAJANG-SEREMBAN (LEKAS) & KEMPEN KESELAMATAN SEMPERA TAHUN BARU CINA 2016**

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Pada 1 Februari 2016, satu Majlis Penyempurnaan Lampu Jalan Di Sepanjang Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS) dan Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Tahun Baru Cina 2016 telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Kerja Raya dan turut sama dihadiri oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan. Penyempurnaan projek pemasangan lampu jalan di Lebuhraya LEKAS ini secara umumnya akan memberi manfaat kepada para pengguna lebuhraya berkenaan. Projek ini memakan masa selama 8 bulan dan berjaya disiapkan mengikut jadual.

3. Pelaksanaan projek ini mampu memberikan keselesaan dan laluan pemanduan yang selamat kepada pengguna Lebuhraya LEKAS. Sebanyak 549

batang tiang dengan menggunakan lampu LED yang jimat tenaga serta mesra alam telah dipasang di sepanjang 25km keseluruhan jajaran Lebuhraya LEKAS yang melibatkan kos sebanyak RM16juta. Bukan itu sahaja, keseluruhan lampu sedia ada di kawasan plaza tol dan juga persimpangan bertingkat jajaran lebuhraya ini turut akan ditukar kepada jenis LED secara berperingkat.

4. Kempen keselamatan jalan raya peringkat Persatuan Syarikat-Syarikat Koneksi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) turut sama diadakan di Majlis Penyempurnaan Lampu Jalan tersebut. Seperti yang kita sedia maklum, akan berlaku pertambahan bilangan kenderaan di lebuhraya utama menjelang musim perayaan dan cuti panjang. Kempen ini adalah salah satu usaha pihak kerajaan serta syarikat koneksi lebuhraya dalam meningkatkan tahap kesedaran dan keselamatan pengguna di lebuhraya.

#### **KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA OP SELAMAT 8/2016 SEMPENA TAHUN BARU CINA**

5. Op Selamat 8/2016 telah dilancarkan oleh Yang Dihormati Tan Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Restoran Jejantas Sg. Buloh (PLUS) berkuatkuasa mulai 1 hingga 15 Februari 2016 bersempena sambutan Tahun Baru Cina.

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sepanjang tempoh OP Selamat 8/2016, sebanyak 1105 kes kemalangan telah dicatatkan berlaku di lebuhraya. Kemalangan maut melibatkan sejumlah 26 kes manakala jumlah kematian pula mencatatkan 27 kes. Kes kemalangan yang melibatkan kecederaan parah adalah sebanyak 169 manakala kecederaan ringan adalah 188 kes. Wilayah tengah telah mencatatkan jumlah kes kemalangan tertinggi dengan jumlah sebanyak 512 kes dan jumlah kematian pula adalah sebanyak 13 kes. Manakala, Lebuhraya PLUS telah mencatatkan jumlah kemalangan yang tertinggi dengan jumlah kes mautnya adalah 15 kes maut. Jika kita bandingkan laporan statistik kemalangan maut di lebuhraya bagi OP Selamat 8 tahun 2016 ini dengan laporan statistik kemalangan maut di lebuhraya bagi OP Selamat 6 tahun 2015 yang lepas, terdapat penurunan sebanyak enam kes. Apa yang boleh saya perkatakan melalui laporan ini adalah para pengguna telah mula mempunyai kesedaran untuk berhemah ketika memandu. Walaubagaimanapun tuan-tuan dan puan-puan, saya yakin dan percaya angka kes kemalangan akan dapat kita kurangkan dengan lebih banyak lagi sekiranya kita terus membudayakan pemanduan berhemah.

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN KALORI DI R&R LEBUH**  
**RAYA MALAYSIA**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Kalori di R&R Lebu Raya Malaysia telah dirasmikan oleh YB Menteri Kerja Raya bersama-sama Menteri Kesihatan Malaysia. Penganjuran program kesedaran ini adalah sebagai inisiatif agar para pengunjung R&R terutamanya rakyat Malaysia mempunyai informasi kalori sebelum memilih makanan dan minuman. Hal ini turut bertujuan melatih serta mendidik rakyat untuk mengutamakan kesihatan mereka dan mengelakkan diri daripada pelbagai penyakit.

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagai salah satu usaha menyokong program kesedaran ini, kesemua R&R di lebu raya akan memaparkan slogan “Kawal Kalori, Cegah Obesiti” dan “Watch Your Weight, Watch Your Calories” di Variable Message System (VMS). Kita sama-sama berharap agar program ini akan dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia demi kesihatan dan kesejahteraan bersama. Bukan itu sahaja, malah di peringkat LLM kita turut melaksanakan Program Kecerdasan sebanyak dua kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Khamis jam 4.30 petang. Kita juga berterima kasih

kepada Badan Kebajikan Sosial dan Sukan (BKSS) kerana bermurah hati menyediakan jurulatih senamrobik bagi menjayakan program tersebut. Oleh itu, semua warga LLM adalah digalakkan untuk menyertai program kecerdasan ini demi kesihatan kita semua.

**PELAKSANAAN KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA DI 21 BUAH PLAZA TOL BAGI LIMA LEBUH RAYA BERMULA DARI 2 MAC 2016**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Lanjutan daripada pelaksanaan sistem pembayaran tol secara elektronik di 10 buah plaza tol yang melibatkan plaza tol di Lebuhraya MEX, Lebuhraya Baru Pantai (NPE), Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) dan Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga) pada 13 Januari 2016 yang lalu, sebanyak 21 buah plaza tol bagi lima lebuhraya iaitu:

- i. Lebuhraya KESAS
- ii. Lebuhraya SPRINT
- iii. Lebuhraya GCE
- iv. Lebuhraya LEKAS, dan
- v. Lebuhraya LATAR

akan turut melaksanakan kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya bermula dari 2 Mac 2016 (Rabu) mulai jam 12.00 tengahari.

10. Pelaksanaan ETC ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sistem kutipan tol elektronik yang mudah dan selesa. Selain itu ia turut membantu pengguna lebuhraya menikmati perjalanan lebih lancar di setiap plaza tol yang terlibat dan dapat mengurangkan kesesakan semasa melakukan pembayaran tol di semua plaza-plaza tol terbabit.

11. Pelaksanaan sistem ini juga bermakna kita sebagai pengguna lebuhraya perlu menggunakan sama ada kad Touch 'n Go atau SmartTAG untuk melakukan transaksi bayaran tol di plaza tol-plaza tol berkenaan. Bukan itu sahaja, pihak konsesi lebuhraya terbabit akan memastikan kemudahan Lorong Tambah Nilai dan penjualan kad Touch 'n Go di lorong beroperasi 24 jam untuk melancarkan operasi tol di semua plaza tol. Kakitangan juga akan ditempatkan di lorong bagi membantu masalah yang dialami oleh pengguna.

## **PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK (TPPA)**

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya percaya anda semua tidak terlepas pandang berkenaan hal Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik atau kependekannya iaitu TPPA yang banyak menarik perhatian ramai pihak. Suka untuk saya berkongsi maklumat berkenaan TPPA ini kepada anda semua kerana ianya penting untuk pengetahuan kita semua. Menurut Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di dalam buku "TPPA : Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (Jawapan Kepada Kebimbangan, Salah Faham Dan Tuduhan)", kerajaan melihat perjanjian perkongsian trans-pasifik (TPPA) adalah satu bentuk FTA yang baru dan mempunyai potensi untuk membawa negara melangkah ke masa depan. TPPA melibatkan 12 buah negara dan Malaysia membuat keputusan menyertai rundingan TPPA pada tahun 2010 selepas mengambil kira manfaat ekonomi yang ditawarkan. TPPA ini adalah berbeza daripada FTA kerana ia lebih komprehensif dengan merangkumi pelbagai skop seperti perolehan kerajaan, buruh, alam sekitar dan Syarikat Hak Milik Kerajaan. Sepanjang tempoh rundingan TPPA berlangsung, pihak MITI telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak di Malaysia. Tidak dinafikan TPPA telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Kebimbangan ini sebahagiannya lahir dari putar belit pihak-pihak tertentu.

13. Memetik isi maklumat daripada sesi taklimat Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 18 Januari 2016, antara objektif utama perjanjian ini adalah untuk menggalakkan integrasi ekonomi untuk meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan, menjana pertumbuhan ekonomi dan faedah sosial, mewujudkan peluang baru untuk pekerja dan perniagaan, menyumbang kepada peningkatan taraf hidup, memberi manfaat kepada pengguna, mengurangkan kemiskinan dan menggalakkan pertumbuhan yang mampan. TPPA bukan sekadar perjanjian perdagangan tuan-tuan, tetapi merupakan agenda transformasi ke arah tadbir urus yang telus. Antaranya adalah peruntukan berkenaan ketelusan iaitu pencegahan rasuah di mana negara-negara TPP akan berusaha untuk menghapuskan rasuah dalam perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Peruntukan ini amat bertepatan dengan kita sebagai penjawat awam dan penting agar memastikan kita menjalankan tugas dalam keadaan telus dan bebas rasuah. Hal ini kerana jika terdapat perilaku salah, negara anggota TPP boleh mengambil tindakan. Ini adalah selaras dengan dasar Integriti Negara.

14. Tuan-tuan, kerajaan telah pun berbincang serta berunding dengan sebaiknya dalam hal TPPA ini. Saya yakin dan percaya terdapat banyak manfaat yang akan kita perolehi daripada TPPA ini. Menurut penerangan dalam buku "TPPA : Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (Jawapan Kepada Kebimbangan, Salah Faham Dan Tuduhan)", kerajaan memastikan TPPA mengambil kira model

pembangunan Malaysia dan sekiranya Malaysia tidak menyertai TPPA, kita akan ketinggalan berbanding negara-negara lain.

15. Oleh yang demikian tuan-tuan, saya berharap anda semua mendapat pemahaman berkenaan TPPA ini dan sama-sama menyampaikan perkara yang benar berkenaannya. Sekiranya anda semua mempunyai sebarang kemusykilan atau ragu-ragu terhadap perkara TPPA ini, sebaiknya rujuklah ke portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mendapatkan penerangan yang lebih jelas.

### **PENGUBAHSUAIAN BAJET 2016**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Kita sedia maklum bahawa pengumuman berkenaan pengubahsuaian Bajet 2016 telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016 yang lepas. Hasil maklum balas yang diperolehi daripada sesi dialog dan media sosial oleh Dato' Sri Abdul Wahid Omar, semua pihak menyambut baik langkah-langkah yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan. Saya juga ingin menegaskan dakwaan bahawa negara akan bankrap adalah tidak betul dan telahpun dinafikan. Nasihat saya kepada anda semua tidak terkecuali diri saya juga supaya tidak terpengaruh mahupun menyebarkan sesuatu berita yang tidak pasti kebenarannya.

17. Kita perlu mengetahui bahawa cabaran negara pada tahun ini adalah untuk menyelaraskan pendapatan negara dengan penurunan dan ketidaktentuan harga minyak dunia. Namun, sekiranya pada tahun 2017 harga minyak turun di bawah USD20 per tong, ianya akan menjadi '*worst case scenario*' bagi ekonomi negara. Penting untuk kita sedar bahawa cabaran ini merupakan satu cabaran yang besar buat negara kita. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia perlu terus bersabar dan berdoa agar negara kita terus kuat menghadapi cabaran ini serta cabaran-cabaran yang mendatang.

18. Tuan-tuan, secara umumnya, pelaksanaan pengubahsuaian bajet mengharapkan proses dalaman (*internal process*) diteliti dan diperhalusi supaya penjimatan dapat dilakukan (*cost saving/ cost cutting*) terhadap peruntukan operasi (*operational expenditure*). Hasil penjimatan tersebut diharapkan dapat meningkatkan semula peruntukan pembangunan (*development expenditure*). Dalam masa yang sama tuan-tuan dan puan-puan, semua Kementerian hendaklah mengenalpasti kaedah-kaedah yang bukan sahaja dapat menjimatkan kos, tetapi juga menambah pendapatan kepada negara tanpa mengabaikan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Sebagai contohnya, pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengumumkan KPI untuk menambah pendapatan negara melalui levi dan juga proses kemasukan semula warga asing yang tinggal di negara ini melebihi tempoh yang ditetapkan.

## **PENUTUP**

19. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu"Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.